



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTRA)

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR dan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)** di bawah tajuk berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

Bil. Tender	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh mulai dijual	Kelas/ Kepala/Sub Kepala
36/2008	<p>Cadangan membina dan menyiapkan sebuah Dewan Terbuka di Jalan Padi Malinja 14, Bandar Baru Uda, Johor Bahru.</p> <p>Tarikh Taklimat / Lawatan Tapak Tempat Jam</p> <p>: 12.5.2008 (Isnin) : Bahagian Projek Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Aras 4, MJB. J. : 9.30 pagi</p> <p>(Taklimat di pejabat & lawatan tapak diwajibkan)</p>	<p>RM400.00</p> <p>12.5.2008 hingga 2.6.2008</p>	<p>Kelas : D</p> <p>Kepala/Sub Kepala : II/2(a)</p>
37/2008	<p>Cadangan membina Gelanggang Futsal di Jalan Puyoh atas PTD 18479, Larkin, Johor Bahru.</p> <p>Tarikh Taklimat / Lawatan Tapak Tempat Jam</p> <p>: 13.5.2008 (Selasa) : Bahagian Projek Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Aras 4, MJB. J. : 9.30 pagi</p> <p>(Taklimat di pejabat & lawatan tapak diwajibkan)</p>	<p>RM300.00</p> <p>13.5.2008 hingga 2.6.2008</p>	<p>Kelas : E</p> <p>Kepala/Sub Kepala : II/2(a)</p>

38/2008	<p>Cadangan menaiktaraf medan meletak kenderaan dan kerja-kerja yang berkaitan di antara Jalan Segget dan Bangunan MARA, Johor Bahru.</p> <p>Tarikh Taklimat / Lawatan Tapak Tempat : 14.5.2008 (Rabu) : Bahagian Jalan Jabatan Kejuruteraan, Aras 2, MBBB. Jam : 9.30 pagi</p> <p>(Taklimat di pejabat & lawatan tapak diwajibkan)</p>	<p>RM400.00</p> <p>14.5.2008 hingga 2.6.2008</p>	<p>Kelas : D</p> <p>Kepala/Sub Kepala : I/1 , IV/8 dan VI/6(a)</p>
---------	--	--	--

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak di Bahagian berkenaan semasa waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 5.5.2008 (Isnin).**

3. Dokumen Tender boleh didapati semasa waktu pejabat di Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Aras 3, Bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru mulai **tarikh yang ditetapkan di atas .**

4. Penender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Penender juga boleh mewakili taklimat di pejabat kepada wakilnya yang sah dengan membawa surat wakil. (Definasi wakil yang sah ialah kakitangan syarikat yang membawa Surat Asal Perwakilan Kuasa daripada syarikat berkenaan). **Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 6 semasa taklimat di pejabat.**

5. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran secara tunai, atau mengeluarkan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Deraf sebagaimana yang ditetapkan di atas yang dibuat di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sebagai bayaran Dokumen Tender.

6. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA DAN SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR serta SIJIL ASAL PERAKUAN PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA.** Salinan fotokopi dokumen pendaftaran tersebut hendaklah diserahkan untuk simpanan Majlis.

7. Dokumen Tender tersebut hendaklah dimasukkan dalam suatu sampul surat berlakri serta ditulis Bil. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Tender yang tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **4.6.2008 (Rabu).**

8. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.

(DATO' MOHD. NAIM BIN NASIR)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.